

20 laporan polis terhadap Tengku Zulpuri

Didakwa biadab ketika menyampaikan ceramah politik di Mentakab pada 19 Oktober lalu

Oleh **NORAWAZNI YUSOF**
KUANTAN

Sebanyak 20 laporan polis dibuat pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Pahang terhadap bekas Ahli Parlimen Raub, Tengku Zulpuri Shah Raja Puji yang disifatkan biadab ketika menyampaikan

ceramah politik di Mentakab pada 19 Oktober lalu.

Laporan itu dibuat secara berasingan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuantan oleh wakil NGO antaranya, Badan Kebajikan Kerabat Pahang, Pertubuhan Satu Kumpulan, Kelab Warga Peduli dan Pertubuhan Amal Tiara Kasih.

Bendahari Badan Kebajikan Kerabat Pahang, Tengku Datuk Abdul Manan Tengku Abdul Aziz berkata, laporan dibuat bagi membolehkan pihak berkaitan mengambil tindakan sewajarnya kepada Tengku Zulpuri.

Menurutnya, perbuatan pemimpin dari DAP itu disifatkan satu penghinaan melampau kerana mengaitkan Istana Pahang dengan kes membabitkan bekas Perdana



Tengku Abdul Manan (empat dari kiri) menunjukkan laporan polis yang telah dibuat terhadap Tengku Zulpuri di IPD Kuantan pada Rabu.

Menteri, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak.

“Kalau sekadar permohonan maaf, bagi saya ia tidak sepadan dengan apa kenyataan yang telah dibuat, jadi bagi kami tindakan tegas perlu dikenakan terhadapnya.

“Kami semua bersepakat dengan NGO lain untuk menegakkan kebenaran dan menangani isu (kebiadaban) ini,”

katanya ketika mengadakan sidang akhbar di hadapan IPD Kuantan di sini pada Selasa.

Video berdurasi 1.53 minit dikatakan petikan daripada ceramahnya di Mentakab pada 19 Oktober lalu secara jelas menyentuh institusi beraja, orang kenamaan dan rakyat Pahang yang dilabelkan sebagai penyamun dan penyayang.

MAIWP buka permohonan Insentif Khas Pelajar Cemerlang

KUALA LUMPUR - Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) membuka permohonan tawaran biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang Pengajian Dalam Negara bagi sesi 2022/2023 mulai Selasa.

MAIWP dalam satu kemaskini di Facebook memaklumkan, antara bidang pengajian yang ditaja ialah seperti ijazah sarjana muda pengajian klinikal dan kesihatan, sastera, kejuruteraan, atau bidang yang mendapat akreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Menurut hantaran tersebut, permohonan mestilah warganegara Malaysia beragama Islam, bermastautin dan menetap di Kuala Lumpur tidak kurang daripada setahun serta tidak mendapat tajaan atau biasiswa daripada mana-mana pihak.

“Borang permohonan boleh dimuat turun di laman sesawang www.maiwp.gov.my.

“Tarikh tutup sehingga 11 November 2022. Jika ada sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan nombor yang tertera,” katanya pada Selasa.

Hijrah Selangor bantu 62,000 usahawan

KLANG - Kira-kira 62,000 usahawan di Selangor dibantu menerusi pembiayaan mikrokredit Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah Selangor) sejak 2015 dengan dana pusingan kini sudah mencecah RM632 juta.

Exco Perumahan, Kesejahteraan Bandar dan Pembangunan Usahawan Selangor, Rodziah Ismail berkata, ini membuktikan program pembiayaan itu berjaya membantu usahawan kecil mengembangkan lagi perniagaan mereka.

“Ketika ia bermula hanya RM70 juta sahaja tetapi kini dana pusingan mencecah lebih RM632 juta sekali gus membuktikan program ini membantu komuniti usahawan kecil

Selangor dalam mengembangkan perniagaan.

“Dengan pembiayaan mikrokredit sehingga RM100,000 inisiatif kerajaan Selangor ini membantu usahawan kecil mengembangkan perniagaan serta menambah modal,” katanya pada Majlis Pelancaran Aplikasi Komuniti Bisnes GM Klang di sini pada Selasa.

Hadir sama, Pengarah Urusan GM Klang, Datuk Lim Seng Kok.

Hijrah Selangor menawarkan lapan skim pinjaman untuk meningkatkan pendapatan usahawan termasuk I-Bisnes, Zero to Hero, Go Digital, Niaga Darul Ehsan (NaDI) i-Lestari, i-Agro, i-Bermusim dan program Pembangunan Usahawan India Selangor.

FOTO: ROSLI TALIB



Rodziah (dua dari kanan) dan Seng Kok (dua dari kiri) pada Majlis Pelancaran Aplikasi Komuniti Bisnes GM Klang pada Selasa.

LIVE DI:

Saksikan secara langsung di sinarharian.com.my

ASMALIZA
MANSOR
HOS

SAM
GHANI
HOS

**SETIAP HARI
4 PETANG**

SATU
JARI

BEBAS
RASUAH

RASUAH BUSTERS
Malaysia Tanpa Rasuah

@ www.rasuahbusters.com #RasuahBustersOfficial